

HQ/SR/01/05/2023

RABU, 17 MEI 2023

SIARAN MEDIA PROGRAM JIWA DAN KITA MADANI

KUCHING, 17 Mei 2023 – Menteri Komunikasi Dan Digital (KKD), Fahmi Fadzil akan menyempurnakan Program Jiwa dan Kita Madani pada 20 Mei 2023 di Mydin, Petra Jaya, Kuching.

Program Jiwa dan Kita Madani ini berkonsepkan infortaimen berteraskan kepada aktiviti pemasaran maklumat, advokasi, patriotik dan kenegaraan bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan kerajaan.

Pelbagai aktiviti telah dirancang untuk memeriahkan lagi Program Jiwa dan Kita Madani nanti. Antaranya pameran Malaysia Madani oleh Jabatan Penerangan Malaysia, Sarawak (JaPen), pameran dan khidmat nasihat daripada pelbagai agensi iaitu Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Negara (FINAS), Telekom Malaysia, Pusat Kesihatan Bahagian Kuching, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), PERKESO (My Future Jobs), Bank Simpanan Nasional (BSN) dan MBSB Bank Berhad.

Pada program kali ini, JaPen Sarawak turut berkolaborasi dengan Pusat Tabung Darah Hospital Umum Sarawak dengan mengadakan Kempen Derma Darah.

Orang ramai, khususnya penduduk sekitar Petra Jaya dijemput hadir bagi memeriahkan lagi program Jiwa dan Kita Madani. Pelbagai aktiviti menarik menanti para pengunjung.

Selain itu, turut diadakan permainan dan kuiz interaktif, persembahan hiburan bermaklumat oleh artis PENTARAMA JaPen Sarawak, Pusat Maklumat Rakyat (PMR) dan Publisiti Sambutan Perayaan 60 Tahun Sarawak Merdeka.

Program Jiwa dan Kita Madani merupakan program yang julung kalinya diadakan secara besar-besaran bagi menyebarkan pengertian dan penghayatan konsep Malaysia Madani kepada masyarakat mengenai aspirasi Malaysia Madani yang menjadi tunjang kepada dasar pentadbiran

JABATAN PENERANGAN MALAYSIA SARAWAK

Tingkat 1, Jalan Diplomatik, Off Jalan Bako

Petrajaya 93050, Kuching, Sarawak

Tel : (08) 2319 700 Fax : (08) 2319 711 e-mel : bmkkjapenswk@inform.gov.my

kerajaan.

-TAMAT-

JABATAN PENERANGAN MALAYSIA, SARAWAK
17 MEI 2023